

Headline	BaktiRAKYAT fokus pelihara alam sekitar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Mar 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	22	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	177 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,752
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,257



BaktiRAKYAT fokus pelihara alam sekitar

SHAH ALAM – Bank Rakyat sentiasa berusaha memenuhi komitmennya untuk memelihara dan memulihara kelestarian alam sekitar menerusi program kesukarelawan BaktiRAKYAT.

Pengerusi Bank Rakyat, Datuk Abd Rani Lebai Jaafar berkata, program yang dilaksanakan menerusi aktiviti penanaman dan pemeliharaan pokok itu merupakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) bank itu dalam memberi fokus kepada pembangunan komuniti, pendidikan, kesihatan, sosio-ekonomi, pertanian dan khidmat sokongan.

“Aktiviti penanaman dan pemeliharaan anak pokok cengal di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) minggu lalu adalah inisiatif kesukarelawan kedua dilaksanakan selepas program pemuliharaan di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pangkalan Balak, Melaka pada Januari lalu.



Program BaktiRAKYAT yang dijalankan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini.

“Program yang dilaksanakan ini bertepatan dengan agenda kelestarian negara dalam memberi impak kepada kehidupan masyarakat yang kini berhadapan pelbagai cabaran susulan penularan pandemik Covid-19,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Abd Rani berkata, Bank Rakyat sentiasa mengutamakan keseimbangan antara operasi perniagaan dan pemeliharaan alam sekitar dengan melibatkan semua warganya bagi menjamin kehidupan sosio-ekonomi lebih mampan.